

Headline	TNB jadi tumpuan graduan, pekerja berpengalaman		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	789 cm ²	Journalist	ROSMAWATIMION
PR Value	RM 46,782		



TNB jadi tumpuan graduan, pekerja berpengalaman

Oleh ROSMAWATI MION
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 APRIL

GERAI pameran Tenaga Nasional Berhad (TNB) antara yang menjadi tumpuan pengunjung sepanjang dua hari berlangsungnya Ekspo Pemuda 2018 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, baru-baru ini.

Pengunjung yang rata-ratanya terdiri daripada graduan institusi pengajian tinggi (IPT) tertarik ke gerai pameran TNB kerana syarikat utiliti itu menawarkan peluang pekerjaan, selain turut membuka laluan untuk mereka yang baharu tamat pengajian menyertai Skim Latihan 1Malaysia (SLiM) kelolaan TNB.

Pada masa sama, TNB juga mencari individu-individu yang mempunyai kekuatan dan kualiti yang diperlukan untuk membina kerjaya di syarikat milik kerajaan (GLC) itu sekali gus membantu membangunkan Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2050.

Bagi graduan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Nur Atikah Lotfi**, 24, gerai pameran TNB mempunyai daya tarikan tersendiri, ditambah persekitarannya yang lebih meyakinkan dan paling penting menawarkan program SLiM yang sememangnya sesuai untuk graduan baharu.

"TNB menyediakan ruang khas untuk graduan yang berminat menyertai SLiM di bawah kelolaan TNB dan kami turut diberi penerangan berkaitan program itu termasuk latihan yang bakal diikuti oleh pelatih-pelatih SLiM."

"Program ini juga adalah satu laluan tepat untuk kami mencari pengalaman kerja terutama dalam persekitaran pekerjaan sebenar dan diharapkan ia juga sebagai langkah permulaan untuk saya membina kerjaya bersama TNB," katanya.

Ekspo Pemuda 2018 yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana



AHMAD ZAHID HAMIDI menyampaikan cenderamata kepada Pengurus Besar Pengambilan Bakat, Kumpulan Sumber Manusia TNB, Rina Sarif. Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan yang juga Pengerusi Pemuda BN, Khairy Jamaluddin sempena Ekspo Pemuda 2018 anjuran Pemuda BN di Dewan Tun Razak, PWTC, Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/MUHAMMAD MARWAN

TNB menyediakan ruang khas untuk graduan yang berminat menyertai SLiM di bawah kelolaan TNB dan kami turut diberi penerangan berkaitan program itu termasuk latihan yang bakal diikuti oleh pelatih-pelatih SLiM."

NUR ATIKAH LOTFI
Graduan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dari Universiti Teknologi Mara



Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi itu adalah yang terbesar pernah dianjurkan dengan menawarkan lebih 50,000 peluang pekerjaan.

Selain Karnival Peluang Kerjaya, ekspo kali ke-38 itu turut membuka beberapa segmen lain iaitu Rumah Mampu Milik, Latihan Kemahiran dan Dana Keusahawanan yang dilihat selari dengan kehendak golongan muda negara ini.

Graduan Ijazah Sarjana Mu-

da Perniagaan Antarabangsa dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Qkhouratuaini Aishah Jeffri**, 24, turut memilih TNB kerana ingin menjadi pelatih SLiM pada kemasukan akan datang iaitu pada Julai nanti.

"Pelbagai program latihan kemahiran insania h akan diberikan secara percuma di dalam SLiM dan itu juga merupakan daya tarikan utama saya untuk menyertai program ini," katanya.

- Mencari modal insan berpotensi yang mampu bersama-sama membangunkan TNB merealisasikan hasrat menjadi antara 10 syarikat utiliti terbaik global menjelang 2025.

- Ekspo Pemuda 2018 platform terbaik untuk graduan dan pekerja meninjau peluang pekerjaan dan latihan kemahiran yang bersesuaian.

SASARAN

Melahirkan tenaga kerja mahir berkualiti untuk membangunkan negara

SLiM TNB SEJAK 2012

1,742 pelatih

ILSAS

62,769 pelatih melalui tiga program kejuruteraan Chargeman, Cable Joiner dan Competent Engineer di Institut Latihan Sultan Ahmad Shah (ILSAS)

Headline	TNB jadi tumpuan graduan, pekerja berpengalaman		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	789 cm ²	Journalist	ROSMAWATIMION
PR Value	RM 46,782		

REAKSI

"MEMANDANGKAN semua syarikat memerlukan pekerja yang berpengalaman, jadi saya mendaftarkan diri untuk menyertai SL1M dan berharap sangat terpilih bagi kemasukan akan datang."



S. MUGILAN
Graduan Sarjana Muda
Kejuruteraan Mekanikal
Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (IU KL)



"APA sahaja peluang yang diketengahkan TNB, saya akan rebut cuma rezeki masih belum memihak kepada saya. Tetapi, kegagalan itu tidak mengubah impian saya untuk bersama-sama dengan TNB."

NORLIZA OSMAN
Pekerja swasta

"SAYA membesar dengan TNB dan sebolehnya saya ingin meneruskan 'perjalanan' keluarga untuk bersama-sama TNB bukan sahaja bagi memajukan diri sendiri, tetapi juga membantu membangunkan syarikat menjadi lebih baik. "Jika ada rezeki di TNB, tentunya saya tidak akan menoleh lagi ke belakang kerana TNB adalah satu syarikat yang mampu menjamin kehidupan anda pada masa mendatang."



FARRIS AFIF LAZI
Pekerja firma perakaunan